

# Gantung lesen jika guna pukat mata 300

BA 11/1/2023 Ms: 21

**Alor Setar:** Jabatan Perikanan akan menggantung lesen vesel nelayan yang didapati melanggar syarat dan mengeluarkan kompaun ke atas bot menggunakan pukat mata 300 serta pukat bubu naga.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah, berkata hukuman itu dikenakan ke atas bot pukat tunda yang dikesan menceroboh kawasan bawah lima batu nautika dari pantai.

“Kita akan ambil tindakan tegas jika berlaku pelanggaran syarat kepada pemilik lesen.

“Selain kompaun, hasil tangkapan akan disita, manakala lesen vesel digantung setahun bertujuan mengurangkan pencerobohan berterusan,” katanya di sini, semalam.

Jumaat lalu, media melaporkan pendapatan lebih 1,000 nelayan pantai di Tanjung Dawai, Kuala Muda, terjejas selepas hasil tangkapan berkurangan sejak enam bulan lalu.